

OPTIMOL EYE DROPS

Timolol Maleate (0.5% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan OPTIMOL EYE DROPS
2. Bagaimana OPTIMOL EYE DROPS berfungsi
3. Sebelum menggunakan OPTIMOL EYE DROPS
4. Cara menggunakan OPTIMOL EYE DROPS
5. Semasa menggunakan OPTIMOL EYE DROPS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan OPTIMOL EYE DROPS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan OPTIMOL EYE DROPS

OPTIMOL EYE DROPS digunakan untuk mengurangkan tekanan pada bola mata termasuk glaukoma dan hipertensi okular.

Bagaimana OPTIMOL EYE DROPS berfungsi

OPTIMOL EYE DROPS mengandungi Timolol Maleate iaitu sejenis ubat penghalang beta tidak selektif yang dapat mengurangkan tekanan dalam mata dengan sedikit atau tiada kesan pada anak mata.

Sebelum menggunakan OPTIMOL EYE DROPS

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan OPTIMOL EYE DROPS jika anda alah terhadap Timolol Maleate atau sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.

Jangan menggunakan OPTIMOL EYE DROPS, jika anda mengalami atau pernah mengalami masalah kesihatan:

- Asma
- Penyakit obstruktif paru-paru jangka masa panjang yang serius.
- Masalah jantung yang parah seperti degupan jantung lemah, kegagalan atau kehilangan fungsi jantung yang mendadak.

- Sebelum menggunakan OPTIMOL EYE DROPS

Kehamilan

Dapatkan nasihat doktor anda sebelum menggunakan ubat ini jika anda mengandung atau mungkin hamil semasa menggunakan ubat ini.

Timolol digunakan jika manfaat yang lebih tinggi daripada potensi risiko ubat.

Penyusuan

Dapatkan nasihat doktor anda sebelum menggunakan ubat ini jika anda akan mula menyusu atau sedang menyusu semasa menggunakan ubat ini.

Disebabkan pelbagai kemungkinan kesan sampingan daripada Timolol pada bayi yang menyusu, keputusan perlu dibuat sama ada menghentikan atau menghentikan penggunaan ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan OPTIMOL EYE DROPS.

Sebelum menggunakan OPTIMOL EYE DROPS adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain,

yang diperoleh dengan atau tanpa preskripsi doktor.

Penggunaan OPTIMOL EYE DROPS bersama ubatan di bawah adalah tidak disyorkan atau perlu diberi perhatian:

- Adrenaline (digunakan untuk merawat alergi serius)
- Catecholamine-depleting medicines seperti reserpine (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi).
- Oral calcium antagonists perlu dielakkan untuk kegunaan orang yang mempunyai masalah fungsi jantung
- Quinidine (digunakan untuk merawat degupan jantung yang tidak tetap)
- Derivatif dihydropyridine seperti nifedipine (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi)
- Verapamil atau Diltiazem (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi)
- Digitalis

Cara menggunakan OPTIMOL EYE DROPS

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan dengan teliti. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor, atau ahli farmasi untuk mendapatkan bantuan.

Rawatan yang disyorkan ialah satu titis pada mata yang terjejas, dua kali sehari.

Penggunaan selamat dan berkesan untuk kanak-kanak belum dipastikan dalam kajian yang mencukupi dan terkawal.

- Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama untuk digunakan

Teruskan menggunakan OPTIMOL EYE DROPS seperti yang doktor anda syorkan. Sekiranya keadaan berterusan, sila berjumpa dengan doktor anda.

- Jika anda lupa menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya. Ambil dos terlepas sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga waktu menggunakan ubat itu dan langkau dos yang tidak diambil. Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian untuk dos yang tidak diambil.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda menganggap anda atau sesiapa mungkin mengguna terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Beberapa simptom terlebih dos adalah seperti berikut:

- Pening kepala
- Sakit kepala
- Kesusakan nafas
- Kadar degupan jantung rendah
- Kesukaran bernafas
- Kehilangan fungsi jantung secara mendadak

Semasa anda menggunakan OPTIMOL EYE DROPS

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi

yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan OPTIMOL EYE DROPS.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh anda lakukan

- Jangan mengambil lebih daripada dos yang dicadangkan kecuali jika disyorkan oleh ahli farmasi atau doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berikan OPTIMOL EYE DROPS kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera operasi sehingga anda tahu bagaimana OPTIMOL EYE DROPS memberi kesan kepada anda.

Timolol mengandungi pengawet *benzalkonium chloride*, yang boleh terkumpul dalam kanta lekap lembut; oleh itu, Timolol tidak boleh digunakan semasa memakai kanta lekap ini. Kanta lekap mestilah dikeluarkan sebelum penggunaan ubat titis dan tidak dimasukkan semula sebelum 15 minit selepas digunakan.

Dapatkan nasihat doktor dengan segera mengenai penggunaan berterusan OPTIMOL EYE DROP jika terjadi keadaan mata semasa (contohnya trauma, pembedahan mata atau jangkitan) atau sebarang reaksi mata, terutamanya tindak balas konjunktivitis dan reaksi pada kelopak mata.

Kesan-Kesan sampingan

Seperti semua ubat, OPTIMOL EYE DROPS boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya. Sekiranya kesan sampingan berterusan, jangan guna ubat dan rujuk kepada doktor.

Beritahu doktor anda jika anda melihat mana-mana kesan sampingan berikut atau perhatikan apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

Deria:

- iritasi mata
- konjunktivitis (bengkak dan keradangan dalam mata atau pada kelopak mata)
- mengurangkan sensitiviti kornea,
- mata kering
- gangguan penglihatan
- penglihatan berganda
- lapisan mata tertanggal disebabkan pengumpulan cecair
- bunyi berdering di telinga

Kardiovaskular:

- degupan jantung perlahan
- degupan jantung tidak sekata
- tekanan darah rendah
- pengsan
- aliran darah ke otak tidak mencukupi
- kegagalan jantung kongestif
- debaran jantung kuat
- kegagalan fungsi jantung secara mendadak
- membengkak
- sakit kejang kaki
- fenomena Raynaud (tangan dan kaki sejuk).

Pernafasan:

- penyempitan saluran pernafasan
- asma bertambah buruk
- kegagalan pernafasan
- kesukaran bernafas
- batuk

Badan:

- sakit kepala
- kurang tenaga
- kepenatan
- sakit dada

Kulit:

- keguguran rambut
- ruam psoriasis merah bersisik atau penyakit kulit psoriasis bertambah buruk

Hipersensitif:

- Tanda dan simptom alahan termasuk bengkak muka, geligata, ruam

Sistem saraf:

- pening kepala
- kemurungan
- kesukaran tidur
- mimpi buruk
- hilang ingatan
- peningkatan tanda-tanda dan gejala kelemahan otot yang tidak normal
- rasa mencucuk dan kesemutan

Penghadaman:

- loya
- cirit-birit
- ketidakhadaman
- mulut kering

Urogenital:

- pengurangan nafsu seks
- penyakit Peyronie (masalah zakar yang disebabkan tisu parut yang terbentuk dalam zakar)

Imunisasi:

- lupus eritematosus sistemik (penyakit autoimunisasi)

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda merasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [(Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan OPTIMOL EYE DROPS

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya. Jauhi daripada kanak-kanak. Jangan

gunakan selepas 1 bulan pembukaan pertama.

- Pelupusan

Ubatan tidak boleh dibuang melalui air buangan atau sisa di rumah. Tanya ahli farmasi anda cara pelupusan ubatan yang betul. Langkah ini boleh membantu menjaga alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

OPTIMOL EYE DROPS ialah larutan jernih, steril dan tidak berwarna.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

- Timolol Maleate

- Bahan tidak aktif:

- Benzalkonium Chloride
- Disodium edetate
- Sodium acid phosphate
- Sodium chloride
- Sodium phosphate
- Water for injection

- Nombor MAL

MAL19973681AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma (M) Sdn. Bhd.

Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RIMUP

09/04/2020

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)041019/00288